



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

**TEKS UCAPAN
YB LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN**

**BERSEMPENA
MAJLIS PELUNCURAN KHAS
KETIBAAN GOLDEN TREN EMU & E-LOCO PROJEK ECRL
DAN PENYERAHAN SURAT LANTIKAN PENYEDIA
INFRASTRUKTUR RANGKAIAN MUDAH ALIH JAJARAN
ECRL
DI
STESEN ECRL KOTASAS
KUANTAN, PAHANG**

11 FEBRUARI 2026 (RABU) | 9:30 PAGI

SALUTASI

Yang Berhormat Datuk Fahmi Fadzil,
Menteri Komunikasi;

Yang Berbahagia Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar,
Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL);

Tuan Yang Terutama Ouyang Yujing,
Duta Besar Republik Rakyat China ke Malaysia;

Yang Berhormat Dato' Ir. Razali bin Kassim,
Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang;

Yang Berbahagia Dato' Sri Darwis bin Abdul Razak,
Ketua Pegawai Eksekutif MRL;

Mr. Deng Bo,
Pengarah Urusan China Communications Construction (ECRL) Sdn Bhd (CCCECRL);

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI!

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih atas kehadiran semua pada hari ini.
2. Saya juga merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) selaku pemilik Projek ECRL serta China Communications Construction Company (CCCC) sebagai kontraktor utama, atas kejayaan menganjurkan majlis ini yang membuktikan kemajuan signifikan sebuah projek infrastruktur nasional yang strategik dan berimpak tinggi kepada negara.
3. Projek Laluan Rel Pantai Timur atau ECRL merupakan projek infrastruktur bernilai RM50.27 bilion yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia, dan turut menjadi sebahagian daripada Belt and Road Initiative hasil hubungan diplomatik yang erat serta kerjasama ekonomi yang kukuh antara Malaysia dan Republik Rakyat China.
4. Semasa Majlis Pecah Tanah Stesen ECRL Terminal Bersepadu Gombak pada 19 Jun 2024, Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, telah menegaskan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk memberikan sokongan

penuh bagi memastikan pelaksanaan Projek ECRL dapat disegerakan demi kepentingan rakyat dan negara.

5. Hari ini, Projek ECRL sekali lagi mencatat satu mercu tanda penting dengan ketibaan dua set tren Electric Multiple Units (EMU) dan dua buah lokomotif elektrik (E-Loco) yang pertama di Malaysia. Tren-tren ini telah dikilangkan oleh CRRC Dalian di China dan hanya dihantar ke negara kita setelah berjaya melalui ujian komprehensif serta Factory Acceptance Test yang disahkan oleh pihak MRL.
6. Majlis pada hari ini bukan sahaja menandakan pencapaian teknikal, malah mencerminkan kerjasama erat, kepercayaan bersama, dan dedikasi tinggi antara MRL dan CCCC dalam memastikan piawaian tertinggi dipatuhi bagi pembangunan sistem rel moden di Malaysia.
7. Setakat Januari 2026, Projek ECRL telah mencapai kemajuan pembinaan sebanyak 91.70 peratus, selari dengan jadual penyiapan jajaran dari Kota Bharu ke Terminal Bersepadu Gombak menjelang akhir tahun ini. Sehubungan itu, tumpuan kini beralih kepada persiapan menyeluruh bagi fasa pengoperasian, memandangkan ECRL merupakan projek rel terbesar di Malaysia serta simbol kerjasama strategik Malaysia–China.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Pengoperasian komersial tren EMU dan E-Loce yang dijadualkan bermula pada Januari 2027 bakal membuka lembaran baharu dalam memperkukuh ECRL sebagai mod pengangkutan hijau untuk penumpang dan kargo, merentasi rangkaian rel elektrik sepanjang 665 kilometer melalui negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, dan Selangor.
9. Hasrat Kerajaan Persekutuan untuk mengintegrasikan Pantai Timur dan Pantai Barat secara lebih tersusun melalui ECRL diyakini akan meningkatkan mobiliti rakyat, mengurangkan masa perjalanan, serta merapatkan jurang pembangunan antara wilayah. Warga Pantai Timur yang berada di Lembah Klang hanya perlu menunggu satu Syawal lagi untuk pulang menyambut Hari Raya Aidilfitri 2027 menaiki ECRL.
10. Dengan penyediaan stesen pertukaran yang menghubungkan ECRL dengan rangkaian KTM sedia ada, rakyat Malaysia akan menikmati sistem pengangkutan rel yang lebih bersepadu, memudahkan urusan perniagaan, pelancongan, dan aktiviti sosial di seluruh Semenanjung Malaysia.

11. Bagi perkhidmatan kargo pula, pendekatan kadar tambang yang dinamik dan kompetitif akan diteroka bagi menggalakkan peralihan pengangkutan barangan Road-to-Rail. Pendekatan ini bukan sahaja menjimatkan kos dan dijangka akan meningkatkan keselamatan jalan raya, malah lebih mesra alam.
12. Dalam aspek keselesaan dan produktiviti pengguna, Kerajaan Persekutuan menyambut baik inisiatif penyediaan infrastruktur rangkaian mudah alih di sepanjang jajaran ECRL. Penyerahan Surat Lantikan kepada Maxis Berhad sebagai Penyedia Infrastruktur Rangkaian Mudah Alih Jajaran ECRL hari ini akan membolehkan semua operator mudah alih negara menyediakan perkhidmatan 4G dan 5G kepada penumpang ECRL. Tahniah dan syabas saya ucapkan atas pencapaian ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Kerajaan Persekutuan turut memberi penekanan serius terhadap pembangunan modal insan tempatan. Penubuhan ECRL Operation Sdn Bhd (EOSB) pada Mei 2025 sebagai syarikat usahasama antara MRL dan CCCC merupakan langkah strategik bagi memastikan fasa pengoperasian dan penyelenggaraan ECRL dilaksanakan secara mampan, dengan sasaran pengambilan kira-kira 1,800 hingga 2,000 tenaga kerja tempatan.

14. Dalam aspek ekonomi, Projek ECRL telah melibatkan lebih 3,300 syarikat tempatan dengan nilai kontrak mencecah RM20.18 bilion, melebihi sasaran awal, termasuk penglibatan signifikan kontraktor Bumiputera. Ini membuktikan bahawa projek mega negara mampu menjadi pemangkin pembangunan ekonomi inklusif.
15. Projek ECRL diunjur menyumbang peningkatan 3.8 peratus kepada KDNK Malaysia menjelang tahun 2047, khususnya melalui pelaksanaan inisiatif ECRL Economic Accelerator Projects atau ECRL-EAP yang memfokuskan pembangunan berorientasikan transit, hab logistik dan taman perindustrian.
16. Oleh demikian, ECRL berpotensi memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab jaringan serantau, termasuk melalui konsep ECRL Landbridge yang menghubungkan Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Klang, serta kemungkinan sambungan ke rangkaian rel Pan-Asia melalui Rantau Panjang.
17. Sebagai penutup, marilah kita bersama-sama menjadikan Projek ECRL ini sebagai simbol kemajuan negara, kecemerlangan bakat tempatan dan kebanggaan Malaysia. Semoga usaha murni ini terus dipermudahkan dan memberi manfaat yang besar kepada rakyat serta generasi yang akan datang.

18. Dengan sukacitanya saya merasmikan '**Majlis Peluncuran Khas Ketibaan Golden Tren EMU & E-Loce Projek ECRL dan Penyerahan Surat Lantikan Penyedia Infrastruktur Rangkaian Mudah Alih Jajaran ECRL.**'

Sekian. Terima kasih!

-Tamat-